

PSIKOLINGUISTIK DALAM PROSES PEMBELAJARAN BAHASA SERTA KAITANNYA DENGAN PENDIDIKAN BAHASA ARAB

Izan Mohd Yusoff
izanskkt@gmail.com

Wan Haslinawati Wan Hassan
wanhaslinawati@gmail.com

Fatin Haminah Rosli
atien_libra@yahoo.com

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Dalam konteks pendidikan, Psikolinguistik merupakan satu bidang yang sangat penting dalam pembelajaran bahasa termasuklah pendidikan bahasa Arab. Ia merupakan gabungan perkataan *psikologi* dan *linguistik* yang bermaksud ilmu yang berkaitan dengan hubungan antara bahasa dengan perilaku dan akal manusia. Melalui psikolinguistik, bahasa yang digunakan perlulah tersusun dan mempunyai unsur tatabahasa yang baik. Manakala dalam konteks perkembangan bahasa pula, kanak-kanak sebenarnya mempunyai tahap perkembangannya tersendiri dalam mempelajari bahasa. Penulisan ini akan mengemukakan huraian psikolinguistik dan kepentingannya melalui pembelajaran bahasa. Seterusnya, perbincangan tentang bahasa pertama dan bahasa kedua dalam perkembangan kanak-kanak. Selain itu, prinsip pengajaran bahasa kedua serta perbezaan cara pemerolehan bahasa pertama dengan cara pembelajaran bahasa kedua dari segi prinsip serta kaedah dan strategi. Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa, psikolinguistik dan bahasa Arab mempunyai kaitan dalam perkembangan pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua seperti yang difokuskan dalam perbincangan iaitu kaitannya dengan pendidikan bahasa Arab.

Kata kunci: *Psikolinguistik, proses pembelajaran bahasa, bahasa Arab.*

PENGENALAN

Bidang psikolinguistik merupakan satu bidang yang sangat penting dalam pembelajaran bahasa. Ia meliputi pelbagai aspek seperti kefahaman tentang bidang linguistik, trend terkini dalam psikolinguistik dan model pembelajaran bahasa pertama dan kedua bagi sesebuah negara (Kees de Boot and Judith F. Kroll 2010).

Untuk menjelaskan secara definisinya, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), *Psikologi* bermaksud ilmu mengenal jiwa atau mengenai fikiran manusia manakala *Linguistik* pula ialah kajian saintifik tentang bahasa. Dan perkataan *Psikolinguistik* bermaksud ilmu yang berkaitan dengan hubungan antara bahasa dengan perilaku dan akal budi manusia (Dewan Bahasa dan Pustaka 2007). Psikolinguistik juga merupakan gabungan antara dua ilmu psikologi dan linguistik (Busro 2016). Dewasa ini, pakar psikologi lebih cenderung untuk mengkaji proses pemikiran manusia bagi memahami, menjelaskan dan meramal perilaku manusia (Kholid A. Harras dan Andika Dutha Bachari 2009).

Oleh itu, jelas bahawa kaitan bahasa dan kejiwaan sangat erat. Bahasa yang dituturkan dengan baik, menjelaskan bahawa penuturnya juga bersifat santun dan mulia. Manakala sebaliknya berlaku, sekiranya bahasa itu gagal dituturkan dan diucapkan dengan baik, maka dilihat bahawa penutur itu mempunyai masalah yang berkaitan dengan jiwa. Maka, di sini tepat dikatakan bahawa bahasa itu adalah cermin dan refleksi bagi menggambarkan penutur itu sendiri. Slogan ‘Bahasa Jiwa Bangsa’ yang dicipta pada tahun 1952, menjelaskan lagi bahawa bahasa itu adalah milik mutlak sesuatu bangsa dan menjadi identiti negara serta bahasa itu menunjukkan jati diri sesuatu bangsa. Dan menurut Sampiril Taurus Tamaji (2020), sekiranya bahasa yang digunakan merupakan sesuatu yang asing dan jarang digunakan, maka komunikasi yang lancar dan betul tidak dapat diperolehi.

Dan dalam konteks pendidikan bahasa Arab, bahasa yang digunakan juga perlulah tersusun, dan dengan penerapan unsur tatabahasa yang baik juga menggambarkan identiti unggul bahasa Arab itu sendiri. Manakala dalam

METODOLOGI


Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data dikumpulkan melalui kajian kepustakaan dengan menggunakan metode analisis kandungan. Data diperolehi dari literatur lepas, jurnal dan artikel berkaitan dengan tajuk kajian.

PERBINCANGAN

Psikolinguistik

Psikolinguistik adalah gabungan disiplin ilmu antara psikologi dan linguistik, yang memiliki ciri-ciri perbincangan bahasa dan otak, mengkaji pengetahuan bahasa, perolehan bahasa dan perilaku linguistik, perhubungan perkembangan bahasa anak dan proses psikologi dalam memahami perkataan.

Menurut Bernard Spolsky and Francis M Hult n.d (1978) Psikolinguistik boleh digambarkan kedudukannya seperti berikut:



Rajah 1: Kedudukan Psikolinguistik

Hubungan Psikolinguistik Dan Pembelajaran Bahasa

Dalam tajuk ini, kita boleh lihat hubungan antara psikolinguistik dan pembelajaran bahasa, antaranya:

1. Ke arah penguasaan bahasa yang baik.

Pembelajaran bahasa dan psikolinguistik adalah bertujuan supaya manusia dapat menggunakan bahasa dengan sebaiknya, baik di dalam pertuturan mahupun penulisan. Dan dalam pembelajaran bahasa sememangnya memerlukan kaedah yang perlu diikuti.

2. Mengetahui kesalahan berbahasa.

Kurang keyakinan dalam berbahasa dan kesukaran melontarkan bahasa ada kaitan dengan masalah psikomotor. Dengan psikolinguistik, kesalahan dalam pembelajaran bahasa dapat diketahui.

3. Menjelaskan proses pemerolehan bahasa kedua (B2)

Pembelajaran bahasa yang membentuk proses memperoleh bahasa kedua disebut sebagai pemerolehan bahasa kedua (B2). Ada pakar yang menyebut sebagai pembelajaran bahasa (*language learning*) dan yang menyebutnya sebagai pemerolehan bahasa (*language acquisition*) kedua. Dan pembelajaran bahasa kedua dapat dikuasai dengan pembelajaran secara formal.

4. Menguasai kaedah- kaedah bahasa.

Pembelajaran bahasa adalah usaha yang bertujuan menguasai kaedah- kaedah bahasa atau penggunaannya, mengetahui mengenai bahasa atau mengetahui pembelajaran bahasa itu sendiri secara mendalam. Dan pembelajaran bahasa ini bukan sahaja formal, malah ia boleh berlangsung sebaliknya.

5. Mengetahui kemampuan berbahasa secara kognitif.

Selain dari penguasaan kaedah-kaedah bahasa secara psikolinguistik, seseorang dapat bersedia secara kognitif seperti berkomunikasi dengan lancar. Kemampuan kognitif lain boleh dilihat dengan kemampuan penguasaan kaedah bahasa itu sendiri secara efektif dengan menampilkan kemampuan berbahasa dengan tenang dan yakin.

6. Mengetahui manusia sebagai pengguna bahasa.

Dalam aspek ini, ia disebut sebahagian dari bentuk pemerolehan bahasa. Kita dapat mengenal pasti sistem-sistem bahasa yang terdapat pada manusia dan bagaimana manusia menterjemahkan idea mereka menggunakan bahasa secara bertulisan mahupun lisan.

7. Bahasa sebagai alat komunikasi.

Hubungan psikolinguistik dengan pemerolehan bahasa seterusnya ialah sebagai keperluan dalam berkomunikasi. Ia menunjukkan ekspresi melalui bahasa yang telah dipelajari atau diperolehi semenjak kecil. Kita juga boleh lihat bagaimana perasaan dan bahasa digabungkan dalam komunikasi.

Ciri-ciri yang telah disebutkan di atas, boleh didapati dan dipelajari dalam ilmu linguistik, ia tidak hanya akan melancarkan bahasa individu, namun ia berhubung kait dengan persediaan kognitif, afektif (ketenangan, keyakinan dalam berbahasa) serta aspek psikomotor (hafalan dan kemampuan memilih bahasa yang tepat dan baik).

Aliran psikologi yang dikenali sebagai *fahaman tingkahlakuan* oleh B.F Skinner (1957) berpandangan bahawa bahasa (serta sintaksis) ialah tingkah laku yang terbentuk semulajadi. Begitu juga menurut Noam Chomsky (1965), setiap manusia yang dilahirkan sudah ada kecekapan berbahasa dan mampu berbahasa bila tiba waktunya.

Kemampuan berbahasa merupakan peranan akal yang bersifat semulajadi. Oleh yang demikian, bahasa menjadikan menjadikan seseorang mengeluarkan ayat atau perkataan dengan jumlah yang tidak ada batasannya. Pada peringkat permulaan pembelajaran bahasa, ia tidak terhad kepada operasi rangsangan dan tindak balas sahaja, malah ia juga melibatkan proses kognitif. Tanpa peranan kognitif, perkembangan bahasa akan terbatas. Chomsky (1965) mengemukakan adanya ciri-ciri pembawaan bahasa bagi menjelaskan pemerolehan bahasa asli pada anak-anak dalam tempoh yang singkat.

Sebenarnya sejak lahir, setiap manusia memiliki kemampuan belajar berbahasa yang disebut dengan *jihaz iktisab al-lughah* atau *Language Acquisition Device* (LAD). Menurut Chomsky, proses belajar bahasa adalah proses pembentukan kaedah (*rule formation process*), bukan proses pembentukan kebiasaan (*habit formation process*). Ia berpendapat bahwa manusia memiliki apa yang disebut “*innate capacity*”, suatu kemampuan yang ada pada dirinya untuk memahami dan menciptakan ungkapan-ungkapan baru (Muradi 2018).

Oleh itu, kaitan kaedah yang sama boleh diaplikasikan dalam pendidikan bahasa Arab, yang mana dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau asing, juga memerlukan aplikasi kognitif dalam pembelajaran bahasa terutama dalam pengukuhan kosa kata Arab. Berdasarkan kemampuan ingatan seseorang individu yang terhad, aplikasi kognitif diperlukan bagi proses penyimpanan maklumat dalam sesuatu pembelajaran (Nur Fadilah Abdul Basit et al. 2017).

Oleh yang demikian, strategi kognitif mengutamakan dan menekankan gaya bahasa pelajar bahasa Arab terutamanya, untuk menggunakan pemikiran mereka secara langsung bagi proses penaakulan terhadap maklumat dan disimpan sebagai memori.

Ketidakseimbangan Komponen Pengetahuan Nahu Dan Kecekapan Berbahasa

Dalam kaitan dengan pendidikan bahasa Arab yang dikenali sebagai bahasa istimewa, pelajar yang ingin mempelajari dan menguasainya haruslah menjalani pendidikan secara formal sama ada di mana-mana sekolah, institusi atau pun kelas-kelas tambahan. Oleh sebab proses pendidikan formal lebih mementingkan pengajaran dan pembelajaran nahu atau tatabahasa, maka dua item inilah yang akan dapat dikuasai dengan lebih baik berbanding aspek yang berkaitan dengan kecekapan berbahasa dan berkomunikasi (Zulkifli Hamid 2011).

Kajian Tentang Bahasa Pertama Dan Bahasa Kedua Dengan Perkembangan Anak-Anak

Proses perkembangan anak-anak mempunyai tahap perkembangannya tersendiri. Menurut pendekatan kognitif (Chomsky), mempelajari bahasa ialah satu proses menguasai pola-pola fonologi, sintaksis dan leksikal bahasa berkenaan. Teori ini menekankan kepentingan pemahaman murid terhadap struktur bahasa. Kesenangan murid mempelajari bahasa kedua akan menyebabkan penguasaan kognitif mereka terhadap struktur bahasa itu mudah berkembang. Ia boleh dipaparkan seperti berikut:

1. Fonologi – ia mengkaji tentang perbendaharaan fonem sesebuah bahasa. Dalam pengkajian fonetik, ahli bahasa mempelajari bagaimana bunyi-bunyi fonem sebuah bahasa direalisasikan atau dilafazkan. Fonetik juga mempelajari cara kerja organ tubuh manusia, terutama yang berhubungan dengan penggunaan bahasa.
2. Leksikal- ia mengkaji tentang struktur, bentuk dan pembentukan kata. Kajian terhadap asas-asas pembentukan suatu kata ialah dengan mengenal pasti susunan unit-unit kata secara struktur, bagaimana unit-unit kata bercantum hingga terbentuknya struktur kata yang diucapkan. Ia merupakan elemen penting dalam kajian bahasa. Hasil yang diperolehi daripada kajian pembentukan kata merupakan asas kepada penguasaan ilmu bahasa itu sendiri. Kajian Asmah Omar (2008) juga turut menekankan kepentingan kata dalam bahasa. Menurut beliau, tumpuan dalam penggunaan bahasa adalah ayat. Ayat mempunyai unsur-unsur iaitu klausa, frasa dan kata. Unsur kata dilihat mempunyai peranan yang besar dalam pembentukan ayat.

3. Sintaksis- ia mengkaji proses pembinaan ayat. Sintaksis juga bidang yang mengkaji hukum atau rumusan tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa.

Memajukan Kemahiran Leksikal Sebagai Bahasa Kedua

Definisi Bahasa Kedua

Menurut Kamaruddin Hj. Husin (1998) maksud bahasa kedua ialah bahasa yang dipelajari seseorang sebagai bahasa kedua selepas bahasa kandung yang dimiliki. Bahasa kedua ini adalah bahasa lain atau asing yang dipelajari untuk tujuan-tujuan tertentu.

Penguasaan Pembelajaran Bahasa Kedua

Pembelajaran dan pengajaran bahasa kedua berbeza dengan cara pembelajaran dan penguasaan bahasa pertama. Pembelajarannya memerlukan banyak latihan dan pengulangan untuk mendapatkan keberkesannya. Ia perlu dijadikan tabiat dan rutin untuk mendapatkan penguasaannya.

Proses penguasaan bahasa pertama berkemungkinan sama dengan proses penguasaan bahasa kedua pada peringkat awal kanak- kanak. Tetapi, proses penguasaan bahasa kedua selepas peringkat awal kanak- kanak berbeza dengan proses pemerolehan bahasa pertama.

Prinsip-Prinsip Pengajaran Bahasa Kedua

- a) Pembelajaran bahasa kedua ialah satu proses mekanis. Proses ini akan membentuk perlakuan dan tabiat baru menguasai kemahiran bahasa iaitu melalui latihan-latihan dan peneguhan.
- b) Bentuk bahasa pertuturan dipelajari terlebih dahulu. Pengajaran bahasa kedua mesti didahulukan dengan kemahiran lisan. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran bermula daripada kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kanak-kanak diajar menyebut perkataan sebelum bentuk-bentuk tulisan.
- c) Pembelajaran bahasa dengan membuat analogi. Pelajar cepat menerima dan memahami makna perkataan dengan cara melihat persamaan dan perkaitannya dengan objek yang dianalogikan. Analogi digunakan untuk menunjukkan persamaan ciri atau sifat. Cara ini akan memudahkan guru mengajar tanpa perlu menghabiskan masa panjang untuk menjelaskan konsep-konsepnya.

- d) Makna dipelajari dalam konteks. Makna boleh dipelajari dalam konteks yang dapat menerangkan makna itu dalam konteks agama, adat dan adab, dan sosio budaya teks atau rujukan teks.

Perbezaan Cara Pemerolehan Bahasa Pertama Dengan Cara Pembelajaran Bahasa Kedua

1) Dari Segi Prinsip

a) Penguasaan Kemahiran Bahasa.

Penguasaan sesuatu kemahiran bahasa berlaku secara beransur-ansur terutama dalam proses pemerolehan bahasa pertama. Pada peringkat permulaan, anak-anak akan mengeluarkan bunyi-bunyian, kemudian mencantumkan bunyi menjadi perkataan dan selepas itu mencantumkan perkataan-perkataan menjadi perkataan atau ayat. Kanak-kanak akan memerhati dan menangkap sebarang kemahiran bahasa ibunda daripada penutur lain. Lama-kelamaan mereka akan menjadi mahir dengan sendiri. Latihan peneguhan diperlukan untuk membentuk kebiasaan dan kemahiran berbahasa itu sendiri.

b) Penguasaan Aspek Bahasa.

Dalam pemerolehan bahasa pertama, kemahiran bahasa dikuasai dengan berperingkat. Dengan kaedah pemeringkatan ini, membolehkan beberapa aspek bahasa dapat dikuasai dengan cepat. Sebagaimana yang kita ketahui, mempelajari bahasa mempunyai banyak kaedah dan peraturan, semuanya itu perlu dikuasai dengan cepat.

Hal ini berbeza dengan pengajaran bahasa kedua yang mesti dimulakan dengan kemahiran lisan. Aktiviti pengajaran bermula daripada kemahiran mendengar, kemudian bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kanak-kanak diajar menyebut sesuatu kata itu dahulu sebelum mengajar bentuk-bentuk tulisan. Cara ini akan menghasilkan satu pengajaran bahasa kedua yang berkesan.

c) Mempelajari Penggunaan Bahasa.

Melalui pemerolehan bahasa pertama, prinsip ini menerangkan, kanak-kanak tidak perlu mengkaji tatabahasa untuk menguasai bahasa tersebut. Akan tetapi, mereka hanya perlu belajar menguasai bahasa tersebut. Mereka tidak perlu menjelaskan sebab binaan ayat tersebut memadai hanya diberitahu pembinaan ayat yang betul atau salah. Kanak-kanak tidak diminta mengkaji tatabahasa secara mendalam, tetapi memadai dengan kemampuan menggunakan ayat-ayat yang betul.

Sebaliknya, dalam pembelajaran bahasa kedua, pelajar mempelajari analogi (pembentukan kata baru dari kata yang telah ada). Melalui pembelajaran ini, membolehkan pelajar menerima pengajaran dengan cara melihat persamaan dan perkaitan antara bentuk-bentuk yang diajar. Kanak-kanak akan diberi latihan tubi dalam pembelajaran mereka. Analogi digunakan untuk menghasilkan penguasaan struktur bahasa tanpa menghabiskan masa dan tenaga untuk

menjelaskan konsep-konsep tatabahasa. Mereka akan dijelaskan sebab binaan bahasa yang digunakan itu adalah salah atau betul.

d) **Penggunaan Bahasa**

Dalam proses pembelajaran pemerolehan bahasa pertama, kanak-kanak belajar menggunakan bahasa melalui pemerhatian atau pendengaran dan kemudiannya menggunakan unsur yang sama dalam keadaan yang serupa bagi memberikan maknanya. Walaupun tidak memahami sistem tatabahasa, tetapi mereka amat mengetahui hubungan antara perkataan dalam ayat dan hubungan antara satu ayat dengan ayat yang lain. Kanak-kanak akan menggunakan sesuatu perkataan dalam konteks makna dan bukannya dalam konteks tatabahasa. Semasa proses pengajaran, guru perlu mencari konteks makna bagi menjelaskan makna perkataan tersebut. Pelajar diberi latihan dan latih tubi pemakaian makna dan perkataan yang betul.

Sebaliknya, dalam pembelajaran bahasa kedua, makna haruslah dipelajari dalam konteks yang dapat menerangkan makna itu sendiri. Makna perkataan perlulah diajar dalam konteks agama, adat dan adab serta budaya. Ini adalah cara yang difikirkan berkesan dalam memberikan makna.

e) **Kebiasaan Mempelajari Bahasa**

Dalam proses pemerolehan bahasa pertama, kanak-kanak mempelajari pertuturan menurut kebiasaan tertentu. Kebiasaan ini mungkin kebiasaan seseorang individu. Mereka mempunyai kumpulan sendiri dan mempunyai cara bertutur yang tersendiri. Kanak-kanak tidak perlu dihalang untuk mengembangkan kebolehan mereka berbahasa secara tersendiri. Hal ini berbeza dengan pembelajaran bahasa kedua. Proses pembelajaran berlaku secara formal dan mempunyai kehadiran guru bersama.

2) Kaedah dan strategi

a) **Fungsi**

Tujuan menguasai pengetahuan bahasa pertama dan mempelajari bahasa kedua adalah berbeza. Berlainan dengan proses pemerolehan bahasa pertama, pembelajaran bahasa kedua merupakan usaha yang ditentukan oleh manfaat yang bakal diperoleh. Tujuan mempelajari bahasa kedua biasanya dikaitkan dengan peranan bahasa dalam kehidupan seseorang pengguna. Oleh itu, pengajaran bahasa kedua sering mengarah kepada sesuatu tujuan yang tertentu.

b) **Penguasaan**

Penguasaan dan cara memperolehi bahasa pertama tidak sama dengan cara menguasai bahasa kedua. Pemerolehan bahasa pertama melalui proses tidak formal. Akan tetapi sebaliknya berlaku dalam pembelajaran bahasa kedua yang memerlukan usaha gigih dan perancangan teliti. Manusia tidak perlu berguru dalam institusi formal untuk membolehkan mereka bertutur dengan baik dalam

bahasa ibunda. Proses-proses yang menghasilkan kemahiran berbahasa dalam bahasa pertama dan bahasa kedua adalah berbeza. Hal ini dapat dilihat dari istilah yang digunakan. Bagi bahasa pertama, istilah ‘penguasaan’ atau ‘pemerolehan’ digunakan, manakala bagi bahasa kedua, istilah ‘pembelajaran’ digunakan.

d) Kejayaan Penguasaan

Penguasaan pengetahuan bahasa oleh penutur bahasa pertama dan bahasa kedua adalah berbeza. Dalam bahasa pertama, kanak-kanak secara genetik telah diprogramkan untuk berjaya dalam proses penguasaan bahasa pertama. Proses tersebut merupakan proses menyesuaikan pengetahuan bahasa semula jadi yang sedia ada dengan sistem bahasa pertama mereka.

Sementara itu, dalam pembelajaran bahasa kedua pula faktor genetik tidak memainkan peranan penting. Faktor-faktor luaran yang menentukan kejayaan proses pembelajaran bahasa kedua berkenaan. Berkenaan hal ini, Abdullah Hassan (1987) menerangkan bahawa dalam pemerolehan bahasa kedua, ia tidak perlu di ajar dan berlaku dilakangan kanak-kanak secara tidak formal. Malah, ia mesti disertakan dengan dorongan dan sikap yang positif untuk keberkesanan pembelajarannya.

d) Kebebasan Memilih

Dalam konteks ini, proses pemerolehan bahasa pertama merupakan satu proses yang tidak ada pilihan. Manakala proses penguasaan bahasa kedua pula adalah proses yang ada pilihan. Proses penguasaan bahasa kedua didorong oleh sebab-sebab tertentu. Biasanya kanak-kanak bahasa pertama mendapat dorongan dan motivasi (Mohammad Syam’un Salim dan Alif Cahaya Setiadi 2013) yang kuat untuk mempelajari bahasa itu bersungguh-sungguh. Ini kerana mereka mempunyai keperluan untuk menggunakan bahasa itu. Ia agak berbeza dengan pembelajaran bahasa kedua. Keinginan untuk mempelajari bahasa ini tidak kuat walaupun mereka sedar bahasa kedua itu berguna.

Corak perasaan dan bentuk pemikiran akan menentukan sama ada seseorang itu akan berusaha gigih atau tidak mempelajari bahasa kedua. Bagi bahasa pertama pula, penguasaan pengetahuannya berlaku secara semulajadi dan tidak ada kanak-kanak normal yang terkecuali daripada menguasai pengetahuan bahasa pertama.

e) Masa

Dari aspek masa, kanak-kanak yang mempelajari bahasa kedua sering mengalami kesulitan. Mereka tidak mempunyai masa yang cukup dan tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap bahasa yang dipelajari itu. Bahasa yang dipelajari juga tidak dapat dipraktikkan sepenuhnya sebagaimana mereka menggunakan bahasa ibunda dalam kehidupan seharian. Peluang mempelajari dan menggunakannya berlaku hanya di dalam kelas sahaja.

KESIMPULAN

Psikolinguistik dan Pendidikan bahasa Arab memiliki keseimbangan dan kesepadanan tersendiri. Kita boleh lihat bahawa dalam mengaitkan psikolinguistik dan pendidikan bahasa Arab, keduanya mempunyai komponen asas yang mempunyai cabang disiplin ilmu tersendiri serta komponen tatabahasa dan keterampilan bahasanya. Dan menurut (Muhammad Yusuf 2019), bidang psikolinguistik ini terdiri dari proses yang melibatkan aspek mekanisme dan aspek mentaliti dalam bahasa.

Dalam membincangkan konsep psikolinguistik dan pendidikan bahasa Arab, kita dapat lihat kaitan dalam penguasaan struktur bahasa yang mana psikolinguistik membincangkan tentang fonologi, leksikal dan sintaksis. Manakala dalam pendidikan bahasa Arab penguasaan nahu terjemahan dan sebagainya diberi penekanan.

Pertama, ia merangkumi fonologi (aswat), kosakata (mufradat), dan tatabahasa (qawaid). Kedua, ia melibatkan perbincangan kemahiran mendengar (maharat al-istima'), kemahiran bertutur (maharat al- kalam). Kemahiran membaca (maharatul qiraah) dan kemahiran menulis (maharat al-kitabah).

Bahasa Arab dan psikolinguistik juga telah dikaji secara konseptual dan tradisional, yang mana keduanya mempunyai disiplin ilmu yang tersendiri. Bahasa Arab secara konseptual dan tradisionalnya sebagai bahasa yang digunakan dalam beribadah, khususnya dalam ibadah solat. Manakala psikolinguistik secara konseptual dan tradisionalnya merupakan ilmu baru yang muncul pada awal abad ke-20.

Dan dari sudut pemerolehan bahasa pula, penguasaan dan pengetahuan penutur bahasa pertama dan penutur bahasa kedua adalah berbeza. Bahasa pertama dipengarungi faktor genetik. Manakala pembelajaran bahasa kedua memerlukan pembelajaran secara formal dan berperingkat.

Oleh itu, Psikolinguistik dan bahasa Arab mempunyai kaitan dalam perkembangan pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua seperti yang difokuskan dalam perbincangan iaitu kaitannya dengan pendidikan Bahasa Arab itu sendiri.

RUJUKAN

- Bernard Spolsky and Francis M Hult, . (t.th.). *The Handbook of educational Linguistics*. Edisi ke-2008. Blackwell.
- Busro, M. 2016. *Kajian Dalam Psikolinguistik; Peringkat Penelitian, Strategi, dan Penggunaan Metode Penelitian*. *Al Hikmah Jurnal Studi Keislaman* 6(September): 209–218.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2007. *Kamus Dewan. Kamus Pela*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin Hj. Husin, . 1998. *Pedagogi Bahasa (Pengkaedahan) Siri Pendidikan Perguruan. Kumpulan Budiman*.

- Kees de Boot,..Judith F. Kroll, . 2010. *An Introduction to Applied Linguistics*. (.. Norbert Schmitt, Ed.). United Kingdom.
- Kholid A. Harras dan Andika Dutha Bachari. 2009. *Dasar-dasar Psikolinguistik*.
- Mohammad Syam'un Salim,..Alif Cahaya Setiadi, . 2013. *Pemerolehan Bahasa-Kedua*. *At Ta'dib* 8(2): 75.
- Muhammad Yusuf, . 2019. *Psikolinguistik Dalam Metodologi Pembelajaran Bahasa Arab Di Era Postmetode*. *Al Mi'yar: Jurnal Ilmiah Pembelajaran Bahasa Arab dan Kebahasaaraban* 2(2): 183.
- Muradi, A. 2018. *Pemerolehan Bahasa Dalam Perspektif Psikolinguistik Dan Alquran*. *Jurnal Tarbiyah : Jurnal Ilmiah Kependidikan* 7(2)
- Nur Fadilah Abdul Basit, I. & Hamzah,..Harun Baharudin, . 2017. *Strategi Kognitif Dalam Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab*. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences* 6(1): 41–51.
- Sampiril Taurus Tamaji, . 2020. *Analisis Teori Psikolinguistik Dalam Perkembangan Pembelajaran Bahasa Arab*. *Al-Fakkaar: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa Arab* (1): 57–77.
- Zulkifli Hamid. 2011. *Peranan Teori Psikolinguistik dalam Pemurnian dan Pemeraksanaan Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia* 6(2): 183–192.